




# Pengurusan kes positif dan kontak rapat di tempat kediaman



Semua kontak rapat di tempat kediaman **perlu** menjalani kuarantin dengan segera.



Walaupun anak-anak dan ahli keluarga tidak bergejala, mereka **perlu** menjalani kuarantin dengan segera setelah mengetahui ahli keluarga di tempat kediaman adalah positif.



Ramai individu yang tidak bergejala tidak menyedari bahawa mereka telah dijangkiti dan boleh menyebarkan virus ini kepada orang lain.

## Kontak rapat di tempat kediaman digalakkan menjalani ujian sendiri COVID-19.

### Sekiranya keputusan ujian negatif:



Individu yang tidak bergejala **wajib** meneruskan kuarantin sehingga tamat tempoh kuarantin



Individu yang bergejala **perlu** hadir ke fasiliti kesihatan swasta atau klinik kesihatan untuk penilaian kesihatan.